

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 14 NOVEMBER 2019, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 12

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1423-MQT0698
Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah yang telah diambil Kementerian bagi menangani insiden kebocoran data peribadi (*data breach*) yang dilaporkan berlaku dan sejauh mana keberkesanan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dalam menangani masalah ini.

2. PR-1423-MQT0740
Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah justifikasi Kerajaan dalam menetapkan bahawa program tinjauan mesra (*walkabout*) yang turut dianggap sebagai kempen bergerak, perlu memohon permit daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) terlebih dahulu memandangkan ianya amalan biasa dalam pilihan raya-pilihan raya umum dan pilihan raya-pilihan raya kecil sebelum ini.

3. PR-1423-MQT0728
Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian bagi mengawal penjualan vape atau rokok elektronik yang kini menjadi trend serta tarikan terutama remaja dan budak sekolah dan apakah status kempen larangan merokok di premis makanan.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 14 NOVEMBER 2019, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 56

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1423-L06459
Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan peruntukan tahunan disediakan Kerajaan untuk menyelenggara aset Kerajaan seperti jalan raya, sekolah, hospital, rumah kos rendah di seluruh negara dari 2015 hingga 2019 dan apakah Kerajaan bercadang memberi keutamaan lebih tinggi bagi menyelenggara aset-aset ini.

2. PR-1423-L06417
Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan keberkesanan Program Desa Harapan bagi membebaskan masyarakat luar bandar daripada kepompong kemiskinan dan sejauh manakah program ini mampu merapatkan jurang ekonomi antara bandar dan luar bandar.

3. PR-1423-L07078
Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah penguatkuasaan yang telah diambil ekoran daripada berlakunya peningkatan keluaran produk-produk kosmetik dan kesihatan jenama buatan sendiri di pasaran sejak kebelakangan ini.

4. PR-1423-L05966
Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah program-program baru untuk membentuk usahawan-usahawan baru yang berdaya tahan dan kompetitif di kalangan orang asal “natives” di Sabah dan Sarawak. Dari segi rekod pada masa kini berapa jumlah usahawan bumiputera kecil, sederhana dan besar/utama di Sabah dan Sarawak.
5. PR-1423-L05977
Tuan Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah hasil pendapatan diperoleh Kerajaan daripada industri pelancongan sepanjang tahun lalu sehingga September tahun ini.
6. PR-1423-L06333
Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status Jalan Nanga Melekun ke Rumah Panjang Tunku Sungai Gaat, Baleh, Kapit.
7. PR-1423-L06492
Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan kadar ketersambungan bukan internet, surat menyurat, siaran radio dan televisyen, dan telefon talian tetap di penempatan Orang Asli.
8. PR-1423-L06708
Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi mengatasi masalah kejatuhan nilai Ringgit Malaysia berbanding mata wang asing dan berapa banyak rizab wang asing yang telah digunakan untuk mempertahankan nilai ringgit pada tahun ini.
9. PR-1423-L06205
Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan untuk membuat satu kajian penyelidikan terhadap klinik-klinik desa untuk menaikkan taraf, menyediakan kelengkapan peralatan perubatan dan bilik-bilik rawatan yang khas bagi kegunaan pegawai-pegawai perubatan untuk merawat pesakit. Bilik perubatan dan rawatan harus diperbesarkan khususnya bagi setiap klinik desa kerana bilangan pesakit semakin bertambah dari hari ke hari.

10. PR-1423-L06943
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh mana laman web Sebenarnya.my diakses oleh rakyat di negara ini bagi mengesahkan sesuatu isu sama ada palsu atau tidak.
11. PR-1423-L06008
Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kementerian Kesihatan bersedia untuk mengkaji tempoh latihan 'houseman ship' dari dua tahun kepada setahun.
12. PR-1423-L07197
Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa peratus kelulusan pinjaman perumahan bagi pemohon berumur 30 hingga 40 tahun dari 2015 hingga Mac 2019.
13. PR-1423-L06518
Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh manakah kenyataan oleh Setiausaha Hal Ehwal Luar Filipina yang mengesahkan semula tuntutan negara tersebut ke atas Sabah memberikan kesan terhadap hubungan dua hala Malaysia dengan Filipina dan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi membendung berlakunya tuntutan-tuntutan tidak berasas seperti ini dari terus berlaku.
14. PR-1423-L06749
Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah jalan penyelesaian yang komprehensif pihak Kementerian untuk mengatasi masalah kesesakan di tol Gombak yang tidak berkesudahan terutama setiap kali musim perayaan dan cuti sekolah.
15. PR-1423-L07105
Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status rundingan ambil alih tol daripada Gamuda Bhd. setakat ini.
16. PR-1423-L05888
Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian dalam membantu rakyat miskin membaik pulih rumah-rumah yang daif ataupun usang serta membina baru rumah bagi penduduk yang masih tidak memiliki rumah di kawasan pedalaman di kawasan Parlimen Kinabatangan.

17. PR-1423-L06432
Tuan Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah 40% hasil Sabah yang sepatutnya dikembalikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Sabah mengikut Perlembagaan Persekutuan. Berikan perincian mengikut tahun sejak 1963 hingga 2018.
18. PR-1423-L06274
Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah justifikasi pihak Kerajaan ingin menjual rumah mewah kepada warga asing terutamanya pembeli dari China dan Hong Kong menerusi program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H).
19. PR-1423-L07022
Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan setakat manakah kemajuan komprehensif telah dicapai dalam dua projek ekonomi luar bandar di kawasan Parlimen Kudat iaitu Agropolitan Pulau Banggi yang dilaksanakan oleh FELCRA dan projek menangani kemiskinan ladang getah di Kanibongan Pitas yang dilaksanakan oleh Lembaga Industri Getah Sabah. Apakah kedua-dua projek ini berjaya mencapai matlamat penubuhannya setelah berbelanja jutaan ringgit.
20. PR-1423-L06160
Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dapatkah Kementerian menyediakan peruntukan untuk melengkapkan NICU di Hospital Limbang.
21. PR-1423-L07181
Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan strategi Kementerian bagi mengatasi masalah penduduk golongan B40 di kawasan bandar yang tinggal di dalam rumah yang usang atau daif. Adakah Kerajaan mempunyai rancangan atau cadangan untuk menambah jumlah peruntukan bagi skim Program Baik Pulih Rumah Daif di bandar.
22. PR-1423-L06770
Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status terkini Tabung Harapan serta ke manakah duit tabung ini telah digunakan .

23. PR-1423-L05890
Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa jumlah rumah PPR (disewa) yang telah dibina di Sabah sejak diperkenalkan pada Februari 2002 bertujuan untuk disewakan kepada golongan sasaran (golongan yang berpendapatan rendah dan setingan).
24. PR-1423-L06337
Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk membina satu balai bomba di Pekan Sungai Asap.
25. PR-1423-L06375
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan hutang negara yang mencatat RM1 trilion semasa pemerintahan Kerajaan Kleptokrat tanpa mengabaikan pembangunan kawasan luar bandar.
26. PR-1423-L06857
Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perancangan bagi mengatasi kesesakan yang berlaku di bulatan Wakaf Bharu, Tumpat, disebabkan pembinaan 'flyover' jambatan kereta api.
27. PR-1423-L05867
Dato' Sri Dr. Santhara [Segamat] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa kutipan GST atau cukai-cukai yang seumpama ini yang telah dikutip oleh pihak kastam dan telah diberikan pengecualian, khususnya kepada Papparich dan juga Old Town White Coffee. Nyatakan pelepasan cukai yang telah diberikan sejak 5 tahun yang lepas.
28. PR-1423-L06108
Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah pembinaan jalan Lebuhraya Pan Borneo dijalankan di kawasan daerah Lawas dan Limbang, dan di mana laluan atau jajaran sebenarnya jalan tersebut.
29. PR-1423-L06735
Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status terkini perumahan PR1MA di negeri Sabah khususnya dalam daerah Beaufort.

30. PR-1423-L05822
Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini pembinaan Projek Klinik Kesihatan (Jenis 3) Serian, Sarawak.
31. PR-1423-L06581
Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dalam keadaan cuaca yang tidak menentu kini, adakah Kementerian berhasrat untuk memperluaskan Unit Udara Jabatan Bomba & Penyelamat dengan pesawat pemadam kebakaran CL 415 sepertimana yang telah dimiliki oleh APMM.
32. PR-1423-L05967
Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah dasar dan pendekatan baru Kementerian untuk membangunkan infrastruktur jalan raya di luar bandar Bagi tahun 2019 berapa sasaran jumlah kilometer akan dibina untuk jalan berturap dan jalan kampung tidak berturap dan berapa jumlah peruntukan telah disediakan bagi program jalan desa/kampung bagi tahun 2019.
33. PR-1423-L06232
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjung] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan senarai projek-projek pembinaan dan penaiktarafan bangunan serta jalan raya persekutuan yang telah diluluskan di Pulau Pinang sejak 2018. Perincian kos dan jangka masa pelaksanaan projek-projek berkaitan.
34. PR-1423-L06127
Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sebab mengapa beberapa projek pembinaan infrastruktur seperti Jambatan Igan, Jambatan Pusa dan Jambatan Batang Lupar dibatalkan oleh Kerajaan Pusat. Apakah kesannya terhadap pembangunan kawasan tepi laut (*'coastal areas development'*) dan keseluruhan pembangunan kawasan luar bandar di Sarawak.

35. PR-1423-L07180
Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan keberkesanan dan statistik kempen Pemilikan Rumah 2019 (*Home Ownership Campaign*) yang dijalankan oleh Kementerian setakat bulan September 2019. Nyatakan jumlah pemaju-pemaju yang berdaftar dengan REHDA Malaysia untuk mengambil bahagian dalam kempen pemilikan rumah ini dan jumlah bayaran yang diterima oleh REHDA Malaysia untuk pendaftaran dan pensijilan pemaju-pemaju.
36. PR-1423-L07036
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah kawalan yang telah dan akan dilakukan oleh Kementerian bagi mengatasi pengimportan haram jutaan tan sisa sampah dari luar negara ke Malaysia dan daripada negara mana.
37. PR-1423-L05834
Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk meningkatkan ketersambungan internet di kawasan Parlimen Julau terutama sekali di Pekan Pakan dan Pekan Julau.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Kesihatan**

- * Rang Undang-Undang Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (Pembubaran) 2019.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menyambung semula pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2020 (D.R.32/2019) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2020 seperti berikut :-**

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh lapan bilion ringgit (RM58,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2020, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2019, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut."

Dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis (13 November, 2019)

- | | | | |
|----|------------------|---|-------------------------------|
| 2. | (D.R.25/2019) | Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 - Menyambung semula perbahasan atas masalah, " Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (7 Oktober, 2019) | |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 3. | (D.R.33/2019) | Rang Undang-Undang Kewangan 2019 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 4. | (D.R. 29/2019) | Rang Undang-Undang Mata Wang 2019 | " |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 5. | (D.R 30/2019) | Rang Undang-Undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2019 | " |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 6. | (D.R.35/2019) | Rang Undang-Undang Hak Cipta (Pindaan) 2019 | " |
| | | [Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna] | |
| 7. | (D.R.34/2019) | Rang Undang-Undang Francais (Pindaan) 2019 | " |
| | | [Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna] | |

8. PR-1423-UL044

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] akan mencadangkan :-

"Bahawa pada hari Rabu, 17 Julai 2019, Yang Berhormat Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof telah mengeluarkan Petua Yang di-Pertua Dewan Rakyat menolak usul yang di bawa oleh Yang Berhormat Bera bagi merujuk Ahli Parlimen Bagan (Lim Guan Eng) ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan di bawah Peraturan Mesyuarat 36(12). Kenyataan ini merujuk kepada kenyataan Menteri Kewangan di dalam Penyata Rasmi bertarikh 7 Ogos 2018 yang berbunyi:

"Ini semua angkara Kerajaan Barisan Nasional yang rakus dan rasuah. Saya berasa sangat marah tentang perkara ini Tuan Yang di-Pertua Dewan. Ini kerana perkara ini bukanlah wang kerajaan, ini ialah wang rakyat yang dirompak dan saya tidak dapat memulangkan wang mereka sendiri. Ini satu pengkhianatan kepada rakyat Malaysia...."

Dan bahawa Dewan yang mulia ini memandang serius Petua Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Rakyat di mana Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah menafikan hak ahli Dewan dan Usul Ketua Pembangkang itu. Justeru, saya ingin mengusulkan satu Usul Persendirian di bawah Peraturan Mesyuarat 43, Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Parlimen Dewan Rakyat agar keputusan Yang di-Pertua Dewan Rakyat itu ditimbangkan semula oleh Majlis Mesyuarat untuk dibahaskan di dalam mesyuarat Majlis ini. "

9. PR-1423-U(27)064

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini bersetuju supaya suatu Jawatankuasa Pilihan Khas untuk isu-isu Pilihan Raya ditubuhkan untuk memastikan terdapat pemantauan yang bebas dan berterusan oleh Parlimen terhadap sistem dan proses pilihan raya di Malaysia."

[Perdana Menteri]

10. PR-1423-U(27)065

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 60 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan impian Malaysia."

[Perdana Menteri]

11. PR-1423-U(27)066

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, berakauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

12. PR-1423-U(27)067

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat digesa untuk mengambil keputusan agar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) yang dikenakan terhadap hartanah yang diperoleh melebihi lima tahun dengan kadar lima peratus bagi rakyat Malaysia yang secara tidak langsung dianggap sebagai satu bentuk cukai Harta Warisan (*Inheritance Tax*) untuk dimansuhkan memandangkan ia adalah jenis percukaian yang membebankan rakyat dan tidak adil terhadap waris yang telah bersusah-payah mengumpulkan harta demi masa hadapan pewaris mereka."

[Menteri Kewangan]

13. PR-1423-U(27)068

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan laporan mengenai tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan bagi memastikan Malaysia Airlines Berhad (MAB) kekal sebagai sebuah syarikat penerbangan milik Malaysia. Memandangkan MAB merupakan satu entiti perniagaan yang telah sekian lama menjadi kebanggaan dan maruah negara, maka adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk mengetahui usaha-usaha penambahbaikan serta pembaharuan yang konstruktif dan menyeluruh yang dicadangkan dalam memulihkan semula masa hadapan MAB ini."

[Menteri Hal Ehwal Ekonomi]

14. PR-1423-U(27)069

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat mendengar suara rakyat dan memberikan justifikasi yang kukuh mengenai cadangan projek kereta nasional ketiga yang dijadualkan pelaksanaannya pada tahun 2020. Menteri Kewangan telah memberi jaminan pada Ogos 2018 bahawa projek kereta nasional ketiga tidak akan menggunakan wang rakyat. Namun, Kerajaan mengumumkan bahawa projek kereta nasional ketiga ini telah dianugerahkan kepada Syarikat DreamEDGE Sdn Bhd yang mana pemegang saham terbesar syarikat tersebut ialah Syarikat Venturetech Sdn. Bhd. yang dimiliki oleh Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT) iaitu sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Malaysia. Dalam situasi ekonomi negara yang tidak menentu, projek kereta nasional ketiga bukanlah sesuatu yang perlu diberi keutamaan oleh Kerajaan memandangkan banyak lagi isu kos sara hidup dan kadar kemiskinan yang perlu diberi tumpuan khusus. Adalah disarankan agar projek kereta nasional ini ketiga dikaji semula demi menjimatkan wang rakyat."

[Perdana Menteri]

15. PR-1423-U(27)070

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Agar institusi Parlimen menetapkan supaya satu Jawatankuasa Pilihan Khas ditubuhkan bagi meneliti semua pandangan rakyat Malaysia mengenai langkah Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati dalam 32 kesalahan melibatkan lapan perundangan negara atau yang terkini mungkin hanya memansuhkan hukuman mandatori sahaja. Kenyataan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa pemansuhan hukuman mati akan dilaksanakan secara berperingkat ternyata telah memberikan konotasi kepada rakyat Malaysia bahawa Kerajaan sememangnya berobjektif untuk memansuhkan hukuman mati ini yang pastinya akan mendapat tentangan dari pihak keluarga mangsa. Kerajaan disarankan agar tidak membuat keputusan secara tergesa-gesa dan perlulah membentangkan sebarang keputusan kajian mengenainya menerusi Jawatankuasa Pilihan Khas di Parlimen. Sekiranya Kerajaan tidak berhasrat untuk menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas, biarlah jawatankuasa di bawah urusan Kerajaan yang mencakupi pandangan pelbagai pihak sama ada menyokong dan tidak menyokong agar satu keputusan seimbang yang mengambil kira pandangan semua pihak dapat diperolehi. Dalam semangat Malaysia Baru selepas 9 Mei, ianya menjadi satu tanggungjawab Kerajaan agar dapat menghormati pandangan setiap lapisan rakyat Malaysia terutamanya mengenai perkara memansuhkan hukuman mati yang melibatkan nyawa masyarakat. Jika pandangan rakyat ini tidak diteliti, maka Kerajaan Pakatan Harapan akan dilihat sebagai menafikan hak kebebasan bersuara mereka. Kerajaan juga perlu menyatakan pendirian dengan jelas, apakah alternatif lain yang akan diganti selepas pemansuhan hukuman mati ini dilaksanakan dan apakah ia mampu dijadikan sebagai langkah pencegahan atau sebaliknya. Kerajaan perlu sedar bahawa kejayaan mereka menjadi Kerajaan hari ini adalah disebabkan kuasa dan suara rakyat."

[Perdana Menteri]

16. PR-1423-U(27)071

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan laporan penyiasatan mengenai dakwaan Pelapor Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai kadar kemiskinan di Malaysia yang tidak realistik dan dasar serta polisi yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mengubah atau menyelaras paras garis kemiskinan di negara ini yang kini ditetapkan pada RM930 bagi negeri-negeri di Semenanjung, RM990 di negeri Sarawak dan RM1,170 untuk negeri Sabah."

[Menteri Hal Ehwal Ekonomi]

17. PR-1423-U(27)072

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan laporan khas mengenai pelaksanaan projek tambakan laut di perairan selatan Pulau Pinang (PSR) yang dirangka menerusi Pelan Induk Pengangkutan (PIP) serta mengemukakan laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada nasihat-nasihat oleh Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) dan ulasan jabatan teknikal yang berkaitan bagi memastikan pelaksanaan projek itu selari dengan Seksyen 2A(2)(b) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Berlandaskan prinsip ketelusan dan akauntabiliti, adalah menjadi keperluan kepada Kerajaan untuk mengemukakan laporan ini memandangkan projek ini memberikan implikasi yang besar terhadap alam sekitar, sosial dan kewangannya."

[Menteri Wilayah Persekutuan]

18. PR-1423-U(27)073

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap laporan pelaksanaan Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia di bawah Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) yang dilancarkan pada Oktober 2018 dalam memperkasakan keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia melalui pewujudan pendekatan yang bersifat lebih holistik dan inklusif yang mampu membawa kepada pemahaman yang lebih baik antara komuniti yang berbeza serta mewujudkan kesepaduan sosial dan perpaduan negara yang lebih baik. Kerajaan perlu membentangkan serta membentuk ruang perbincangan dengan segera apakah syor yang disarankan melalui pelan ini benar-benar efektif dalam mengukuhkan jalinan perpaduan di negara ini."

[Perdana Menteri]

19. PR-1423-U(27)074

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi perhatian terhadap pembangunan dan meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli, seperti yang termaktub dalam Janji 38, Manifesto Pakatan Harapan iaitu 'Membela Nasib Orang Asal' di negara ini. Kerajaan perlu membentangkan cadangan Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Nasional bagi menangani isu utama dihadapi masyarakat Orang Asli di negara ini dan adalah kemestian bagi Kerajaan memastikan setiap gerak kerja dan usaha pembangunan yang dilaksanakan Kerajaan terhadap Orang Asli ini adalah sejajar dengan Pendekatan Berasaskan Hak Asasi Manusia (PBHAM). Ini adalah supaya setiap program pembangunan dan kebajikan yang dirancang mampu memberi faedah yang lebih menyeluruh kepada masyarakat Orang Asli di samping tidak mengenenepikan kepentingan dan memelihara perkara asas berkaitan mereka melalui prinsip IMABT (Keizinan Berasaskan Makluman, Awal, Bebas dan Telus)."

[Perdana Menteri]

20. PR-1423-U(27)075

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Menurut laporan media Sin Chew Daily bertarikh 19 Ogos 2018, Ketua Strategi PPBM yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penggubalan Manifesto Pakatan Harapan sebelum PRU14 telah mengumumkan bahawa semasa Buku Harapan (Manifesto PH untuk PRU14) dirangka, prasyarat untuk menilai pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate*—UEC) adalah kelulusan dalam 4 mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM. "Akan tetapi, Kementerian Pendidikan setakat ini tidak pernah menjelaskan perkara tersebut yang banyak menimbulkan kekeliruan dan ianya berlainan nada dengan apa yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan semasa PRU14, iaitu UEC dapat diiktiraf hanya dengan memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM." "Mantan Menteri Pendidikan iaitu Ahli Parlimen Pagoh telah mengarahkan semua universiti awam tempatan untuk menambah satu syarat am bagi kemasukan ke universiti awam iaitu sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM memandangkan mata pelajaran Sejarah telah menjadi mata pelajaran wajib lulus dalam SPM. Ini bermakna tanpa lulus mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM, seseorang calon itu tidak boleh memperolehi sijil SPM. Arahan tersebut berkuatkuasa sejak tahun 2013." "Dewan ini mendesak Kementerian Pendidikan untuk menjelaskan sama ada mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM masih diambil kira sebagai

prasyarat pengiktirafan UEC seperti yang dikatakan. Sekiranya kenyataan itu benar, maka Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) perlu melakukan penyelarasan dasar baru bagi mengatasi kekangan syarat kemasukan pelajar UEC ke universiti awam tempatan. Kementerian Pendidikan mesti mempunyai pendirian yang jelas dalam perkara ini dan tidak boleh berdolak-dalik." "Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian Pendidikan harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar UEC seperti mana yang dijanjikan oleh YB Kulai merangkap Timbalan Menteri Pendidikan semasa berkempen di PRU 14 dan dalam rakaman video beliau pada 9 April 2018 yang dimuat naik ke "Youtube", di mana beliau mengatakan Pakatan Harapan sudah mempunyai "hitam putih" untuk mengiktiraf UEC sebaik sahaja Pakatan Harapan menjadi Kerajaan. "

[Menteri Pendidikan]

21. PR-1423-U(27)076

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat meneruskan projek pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 26 Oktober 2017, termasuk mengekalkan 10 nama sekolah baharu yang telah diluluskan. " "Kerajaan sepatutnya menyiapkan projek tersebut dalam masa 5 tahun dengan peruntukan RM20 juta setiap tahun (jumlah keseluruhannya RM100 juta) seperti yang telah dijanjikan oleh Kerajaan terdahulu. " "Tetapi malangnya, perlaksanaan projek tersebut agak lambat dan tiada perkembangan yang signifikan. Dengan itu, mengharap Dewan ini mengambil maklum perkara ini dan mendesak Kerajaan Pakatan Harapan mempercepatkan proses pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid ke kawasan yang lebih padat penduduk Cina." "Seperti yang dijanjikan oleh YB Menteri Pendidikan pada 28 Jun 2018, SJKC Kuek Ho Yao di Seri Austin, Johor Bahru dan SJKC Sim Mow Yu di Masai, Johor akan tetap didirikan memandangkan upacara pecah tanah sekolah telah disempurnakan pada tahun 2018, iaitu sebelum PRU 14. Maka, Kementerian Pendidikan sepatutnya rasa terpenggil untuk menyalurkan peruntukan sekurang-kurangnya RM7 juta untuk menanggung kos pembinaan setiap SJKC yang dinamakan di atas. "

[Menteri Pendidikan]

22. PR-1423-U(27)077

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menggesa Kerajaan supaya dapat memberikan peruntukan yang sama rata kepada Ahli Parlimen tanpa mengira fahaman politik. Ini kerana, Ahli Parlimen Kerajaan di Semenanjung Malaysia telah diberi peruntukan sebanyak RM1,000,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM700,000 bagi peruntukan kawasan pada tahun 2018. Manakala tahun 2019, Ahli Parlimen kerajaan diperuntukkan RM1,800,000.00 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM1,500,000 bagi peruntukan kawasan. Sementara Ahli Parlimen pembangkang hanya diberikan RM100,000 sahaja bagi tahun 2018 dan tidak menerima apa-apa peruntukan untuk tahun 2019. Ini merupakan satu bentuk diskriminasi yang amat ketara." "Gesaan ini selari dengan semangat 'Malaysia Baru' dan hasrat badan bebas (NGO) seperti BERSIH yang mahu memastikan tiada istilah diskriminasi dalam negara dan semua pengundi harus dilayan dengan adil dan saksama. Malah, perkara ini juga diperjuangkan oleh pemimpin Kerajaan hari ini ketika bergelar pembangkang suatu ketika dahulu. Dalam masa sama, semangat 'Malaysia Baru' ini juga yang menuntut kesuburan demokrasi. Prinsip keadilan ini akan dijadikan sebagai penanda aras dan seterusnya diteladani oleh kerajaan negeri yang lain di Malaysia tanpa mengira parti mana yang memerintah. "

[Perdana Menteri]

23. PR-1423-U(27)078

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan apakah dasar luar Malaysia berkaitan Laut China Selatan. Umum mengetahui kemelut perluasan pengaruh di rantau Asia Pasifik yang menggunakan isu tuntutan bertindih di Laut China Selatan melibatkan kuasa besar iaitu Amerika Syarikat dan China serta penglibatan United Kingdom, Perancis, Australia dan Jepun telah merumitkan isu ini. Pembabituan kuasa asing ini amat membimbangkan kerana berkait dengan kehadiran kapal perang di perairan yang akan memberi kesan kepada kapal dagang dan juga sangat sensitif dari segi status geopolitik. Sebelum ini, pada Jun 2018, Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menyuarakan bahawa Malaysia akan mengkaji semula Kerangka Kod Tata Laku (CoC) di Laut China Selatan antara China dan ASEAN. Ditambah pula, dengan kenyataan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Tuan Mohamad Sabu yang menyatakan kebimbangan mengenai isu penempatan aset ketenteraan di perairan tersebut iaitu merujuk kepada tindakan yang dilakukan China. Manakala, pada Ogos 2019 beberapa Menteri Luar ASEAN melahirkan kebimbangan terhadap isu penambahan, pendudukan dan insiden serius yang berlaku di Laut China Selatan. Jika diambil kira keputusan Kerajaan berhubung pembatalan dan pergantungan

beberapa projek yang melibatkan negara China sebelum ini menimbulkan pertanyaan apakah interpretasi negara China walaupun tiada kena mengena dengan geopolitik Laut China Selatan, sedikit sebanyak menunjukkan hala tuju dasar laut negara. Selain itu, penyertaan Malaysia dalam latihan ketenteraan maritim terbesar iaitu *Rim of the Pacific Exercise* (RIMPAC) anjuran Amerika Syarikat yang secara jelas tidak mengundang tentera laut China dengan alasan kurang senang dengan tindakan China di Laut China Selatan. Penyelesaian melalui penggubalan Kod Tatalaku (CoC) yang berasaskan peruntukan UNCLOS pada ketika ini sedang diperhalusi di antara ASEAN dan China. Ironisnya China dilihat begitu berat untuk menerima peruntukan UNCLOS dalam rundingan CoC sedangkan China adalah negara ahli UNCLOS kerana China ingin menuntut berasaskan sejarah Dinasti mereka iaitu Dinasti Han, Yuan, dan Ming manakala Amerika Syarikat cuba memaksa ASEAN dan China menerima sepenuhnya penggunaan UNCLOS dalam CoC kerana UNCLOS berasaskan undang-undang. Sehubungan itu, apakah dasar dan pendirian Malaysia berhubung kehendak Amerika Syarikat yang mahukan UNCLOS dalam kerangka CoC tersebut. Pengamalan Dasar Luar Malaysia bersangkutan dengan kemelut Laut China Selatan akan berubah jika dinilai berdasarkan peristiwa yang berlaku semasa ini. Pembentangan ini amat penting untuk rakyat mengetahuinya malah pemimpin serantau dan global turut mengambil berat kerana Malaysia adalah negara utama yang terlibat dalam kemelut tersebut. "

[Menteri Luar Negeri]

24. PR-1423-U(27)080

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh berkaitan pelaksanaan projek Sistem Transit Rapid (RTS) Johor--Singapura selepas hasil perbincangan di antara Menteri Pengangkutan Malaysia bersama Menteri Pengangkutan Singapura pada bulan Julai 2019. Hasil perbincangan ini amat penting untuk dibawa ke Parlimen agar Ahli Dewan Rakyat dapat mengetahui dengan jelas perancangan projek tersebut serta dapat dibincangkan secara terperinci di dalam Dewan Rakyat. Rakyat pastinya ternanti--nanti akan penjelasan tentang perancangan, kesan jangka masa panjang yang melibatkan dua negara ini. Perbincangan ini adalah amat penting untuk mengetahui secara terperinci berkenaan implikasi kewangan yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Malaysia akibat penangguhan projek tersebut. Selain itu, pelaksanaan projek ini hendaklah tidak hanya dibincangkan dalam peringkat kabinet sahaja dan secara tertutup antara Kerajaan Malaysia dan Singapura tetapi perlu mengambil kira pandangan orang ramai yang juga bakal menikmati kemajuan fasiliti dan menggunakan kemudahan ini terutama rakyat Malaysia yang mencari rezeki bekerja di Singapura agar mereka mengetahui dengan jelas tentang pendirian Kerajaan sama ada untuk meneruskan, menanggung atau membatalkan projek ini. "

[Menteri Pengangkutan]

25. PR-1423-U(27)081

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk memperkenalkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 seperti termaktub dalam Janji 16, Manifesto Pakatan Harapan iaitu mengembalikan wibawa institusi Parlimen. Dalam usaha Kerajaan untuk mereformasi Parlimen Malaysia, Kerajaan perlu memperkenalkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang telah dimansuhkan melalui seksyen 7 Akta Perlembagaan (Pindaan) 1992. Akta Perlembagaan (Pindaan) 1992 tersebut telah berkuatkuasa pada 20 November 1993. Memperkenalkan semula Akta ini dengan beberapa penambahbaikan merupakan satu konsep pengasingan kuasa yang jelas antara Badan Eksekutif dan Legislatif. Perkara ini membolehkan urusan Parlimen boleh ditadbir dan dilaksanakan oleh Parlimen sendiri. Hal ini memberi kuasa autonomi kepada Parlimen untuk menentukan keputusan dan menjadikan Parlimen sebagai satu badan bebas yang tidak terikat dengan badan Kerajaan. Sehubungan itu, apakah usaha dan perancangan Kerajaan dalam memperkenalkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 di mana pindaan Perlembagaan juga perlu berlaku serta sejauh manakah persediaan Kerajaan untuk pindaan Perlembagaan ini. Selain itu, apakah usaha Kerajaan untuk menunaikan janji-janji manifesto Pakatan Harapan dalam mengembalikan wibawa institusi Parlimen seperti memberikan status dan peruntukan yang sama dengan seorang Menteri Persekutuan kepada Ketua Pembangkang dan pewujudan Jawatankuasa Terpilih Dewan Rakyat untuk memantau setiap Kementerian, dengan kuasa untuk memanggil Menteri dan pegawai kanan untuk memberi keterangan. Kebaikan kepada pindaan ini adalah atas usaha menjadikan Parlimen sebagai badan legislatif yang efektif dalam dunia moden. Selagi tiada Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 ini, perkara ini akan menyebabkan usaha mereformasi Majlis Parlimen akan sedikit sebanyak terencat. "

[Perdana Menteri]

26. PR-1423-U(27)082

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk memperkenalkan Akta dan undang-undang baharu yang perlu diwujudkan bagi melindungi orang ramai yang terjebak dalam pelaburan mata wang digital atau kripto. Akta Mata Wang Digital atau akta baharu itu membolehkan Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) mengambil tindakan terhadap pihak yang membuat penawaran pelaburan dalam bentuk mata wang digital. Mata wang digital atau *cryptocurrency* digunakan secara meluas bagi tujuan urusaniaga sama ada secara sah atau digunakan dalam ruang bagi pasaran

gelap atas talian iaitu *darkweb*, pembiayaan keganasan serta penggubahan wang haram. Perkara yang melibatkan mata wang digital semakin meluas dan berakar umbi di *darkweb*. Isu ini banyak mengelirukan banyak pihak terutamanya rakyat. Kerugian yang dilaporkan akibat jenayah siber mencecah RM309.67 juta bagi tempoh dari Januari hingga Julai 2019. Kerugian ini disebabkan jumlah jenayah siber semakin meningkat dan angka ini boleh memberi kesan negatif kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Sehubungan itu, apakah peranan Kerajaan dalam mengatasi masalah sekiranya mata wang digital ini disalah guna contohnya, sebagai kaedah pembayaran rasuah dan transaksi dalam pasaran gelap. Kerajaan juga perlu lebih proaktif menangani masalah penipuan mata wang digital ini. Akta baharu perlu diwujudkan dan akta yang sedia ada perlu ditingkatkan supaya tiada kelompongan dari sudut perundangan bagi mengelakkan penipuan dan salah laku yang melibatkan mata wang digital. "

[Menteri Kewangan]

27. PR-1423-U(27)083

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan laporan gangguan sistem Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang berlaku pada 21 hingga 24 Ogos 2019. Gangguan sistem tersebut berlaku selama 4 hari dan menyebabkan beberapa urusan bagi pihak lapangan terbang dan penumpang terjejas. Perdana Menteri telah menggesa pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) untuk menyelidik punca sebenar gangguan sistem di KLIA, pihak MAHB telah membuat laporan polis berhubung gangguan rangkaian di KLIA dan pihak polis telah menjalankan siasatan mengikut Seksyen 427 Kanun Keseksaan. Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador, menyifatkan dakwaan kemungkinan wujud tindakan berniat jahat hingga menjejaskan kelancaran operasi KLIA sebagai amat serius. Sehubungan itu, Kerajaan perlu membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan apakah punca gangguan sistem ini boleh berlaku, berapakah implikasi kewangan yang ditanggung oleh pihak MAHB, jumlah kerugian yang ditanggung oleh syarikat-syarikat penerbangan yang terlibat dan apakah langkah proaktif yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan untuk memastikan perkara ini tidak berulang kembali. Selain itu, pihak Kerajaan juga perlu membentangkan kepada Dewan Rakyat adakah gangguan sistem ini memberi kesan kepada pengiktirafan yang diterima oleh KLIA seperti Anugerah Pemasaran Laluan Asia 2018 dan pengiktirafan--pengiktirafan lain serta apakah keputusan siasatan pihak MAHB dan pihak PDRM berhubung kes ini. "

[Menteri Pengangkutan]

28. PR-1423-U(27)084

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan Kertas Putih Pertahanan. Kertas Putih Pertahanan tersebut dirangka mengambil kira aspek jangka pendek dan jangka panjang berkenaan dasar pertahanan negara. Ahli Dewan Rakyat dan rakyat perlu mengetahui berkenaan dasar tersebut dengan jelas dan memberikan kefahaman secara menyeluruh apakah isi kandung Kertas Putih Pertahanan tersebut. Dalam usaha mewujudkan Kertas Putih Pertahanan, Kerajaan perlu melibatkan banyak agensi dan pihak. Kementerian Pertahanan perlu bekerjasama secara rapat dengan Kementerian Luar Negeri kerana banyak melibatkan hubungan luar antara negara. Selain itu, pihak Kerajaan juga perlu melibatkan pakar dan ahli akademik dan bukan pihak Kementerian Pertahanan sahaja. Ini adalah perkara penting untuk mewujudkan perbezaan antara pembuat dengan pelaksana dasar. Aspek yang penting adalah semua Kementerian dan agensi berkaitan perlu memahami isi kandungan kertas putih tersebut kerana tugas pertahanan bukan hanya terletak kepada Kementerian Pertahanan serta tentera semata-mata tetapi rakyat juga perlu mengetahui. Sehubungan itu, dengan pembentangan Kertas Putih Pertahanan secara terperinci ini dapat menghasilkan satu pelan rangka tindakan secara spesifik berkaitan hala tuju ketenteraan dan perancangan perolehan aset bagi Angkatan Tentera Malaysia. "

[Menteri Pertahanan]

29. PR-1423-U(27)085

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mengambil langkah dalam memperkasakan institusi hal ehwal agama Islam di negara ini iaitu Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan yang mempunyai peranan utama menjadi pusat rujukan fatwa yang berwibawa dan berintegriti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Dalam memartabatkan fatwa di Malaysia, jawatankuasa ini dilihat berperanan besar melalui pengurusan, penyelarasan dan penyelidikan namun dari segi pelaksanaan fatwa tersebut oleh pihak Kerajaan tidak konsisten dalam beberapa perkara. Isu--isu keagamaan yang berlaku seperti penyebaran ajaran sesat, fahaman liberal dan songsang serta keterbukaan yang melampau memerlukan tindakan yang sewajarnya oleh pihak Kerajaan bersandarkan kepada rujukan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan."

[Perdana Menteri]

30. PR-1423-U(27)086

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan setiap dasar dan polisi Kerajaan di semua peringkat mempunyai tahap kefahaman mengenai institusi raja atau raja berperlembagaan yang kukuh seterusnya menyemai kefahaman yang sebenar di kalangan rakyat di negara ini. Sejak kebelakangan ini banyak kekeliruan berlaku khususnya di kalangan masyarakat pelbagai latar belakang berkenaan dengan bagaimana kuasa institusi raja diamalkan dan ramai dibesarkan dengan fahaman bahawa Raja Melayu bertindak atas nasihat sebenarnya tidak memahami maksud sebenar. Perkataan nasihat itu sering disalah erti kerana perkataan dalam perlembagaan dalam versi bahasa Inggeris, kita guna "*advice*" yang membawa maksud perkara yang baik--baik. Ia adalah bertentangan kepada perkataan "*vice*". Raja juga perlu menerima nasihat yang baik--baik. Ini kerana dalam perlembagaan diberikan hak kepada raja--raja untuk meminta maklumat daripada Kerajaan tentang situasi semasa negeri. Baginda berhak. Perkara tersebut ada ditulis dalam perkara 40 (1) walaupun bertindak atas nasihat tetapi baginda mempunyai hak untuk mengetahui tentang hal ehwal semasa negeri. Selain itu terdapat polemik berkaitan istilah raja sebagai simbol. Apabila simbol, raja perlu bertindak atas nasihat tanpa mengambil kira peruntukan dalam perlembagaan yang memberikan kuasa budi bicara yang mutlak kepada raja--raja. Maknanya ada lagi ciri--ciri yang dikatakan budi bicara kepada raja itu. Dalam Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan menyebut kedaulatan raja adalah kekal sebagaimana sebelum ini. Apabila menyatakan raja--raja itu mempunyai kedaulatan, baginda mempunyai kuasa dan kekuasaan. Perkataan kedaulatan itu menyatakan tentang ada kedaulatan, kuasa dan kekuasaan. Kalau ada kedaulatan tetapi perlembagaan tidak memberikan baginda kuasa, maka tidak ada kekuasaan dan ia tidak bererti. Tetapi, raja berperlembagaan walaupun bertindak dalam kebanyakan perkara atas nasihat tetapi ada ruang--ruang diberikan kepada baginda menerusi perlembagaan. Apabila telah mantap dengan asas kenegaraan ini, baharulah institusi raja berperlembagaan dapat difahami dengan mantap. Institusi beraja ini tidak boleh dibicarakan secara bermusim, ia perlu setiap masa dan dihayati oleh setiap rakyat."

[Perdana Menteri]

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 14.11.2019 (Khamis)	1. YB Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)	1. Projek Menaiktaraf Jalan Perindustrian Rawang (FT3209)	1. YB Menteri Kerja Raya
2. 14.11.2019 (Khamis)	2. YB Tuan Mohd Shahar bin Abdullah (Paya Besar)	2. Keperluan Kerja-Kerja Membaikpulih Permukaan Jalan Ft1492, Jalan Utama Felda Lepar Hilir 1, 5, 6 Dan 7, Kuantan Pahang	2. YB Menteri Kerja Raya

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**